

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

JMK324 – Penulisan Kreatif

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Pilih dan jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. Latar merupakan salah satu elemen yang penting dalam penulisan kreatif bagi genre prosa dan puisi. Meskipun demikian, latar dipaparkan dalam cara yang berbeza bagi kedua-dua genre tersebut dan mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Apakah perbezaan dan keistimewaan tersebut? Bincangkan.

(25arkah)

2. Seni persembahan merangkumi drama dan teater yang memerlukan sastera (skrip) untuk menjayakannya. Teater juga dikategorikan sebagai *impure art* kerana dihidupkan dengan pelbagai elemen seperti watak dan perwatakan, muzik, tarian dan lukisan yang dihasilkan oleh lebih daripada seorang individu. Teater juga memerlukan pengarah, pereka set, pereka busana dan ahli muzik. Sebagai seorang penulis skrip drama atau teater, anda perlu memahami dan mengenali setiap elemen tersebut. Bincangkan.

(25 markah)

3. Karya kreatif sering terhasil daripada persepsi pengarang atau penyair terhadap persekitarannya. Pergolakan dalam masyarakat yang mencakupi aspek politik, ekonomi dan sosial sesebuah masyarakat menjadi bahan mentah bagi mereka untuk melahirkan karya masing-masing.

Hasilkan sebuah puisi dalam 3 hingga 4 stanza berdasarkan suatu peristiwa penting yang berlaku dan memberi impak kepada keharmonian hidup masyarakat Malaysia dalam fenomena terkini.

(25 markah)

4. Menulis karya kreatif dalam bentuk prosa lebih mudah berbanding puisi. Apa pendapat anda. Bincangkan.

(25 markah)

5. Sensitiviti terhadap persekitaran sering mencetuskan ilham kepada penulis. Penulisan yang baik dibangunkan daripada daya imaginasi, ilmu pengetahuan (maklumat) serta kreativiti yang khusus dan tulen sifatnya. Kampus Universiti Sains Malaysia memiliki keindahan alam semulajadinya yang unik dan tersendiri; bukit dan cerun, lautan serta flora faunanya serta manusia yang mendiaminya. Gambarkan fenomena ini dalam sebuah cerita pendek daripada pengalaman peribadi anda sendiri.

(25 markah)

6. Ilmu bantu seperti psikologi dan sosiologi sering digunakan oleh pengarang dalam karya kreatif mereka. Bagaimana ilmu bantu tersebut dapat menyumbang kepada mutu karya yang dihasilkan?

(25 markah)

- oooOooo -